

Politik perpaduan peru kita hayati

Musa: PAS, DAP guna sentimen perkauman

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis — Pemimpin dan ahli Barisan Nasional, hari ini digesa menghayati politik 'perpaduan' sebagai asas perjuangan kerana sudah terbukti hakikat ini boleh menjamin kestabilan dan pembangunan negara.

"Politik kita ialah politik perpaduan berpadukan semangat kebangsaan, menentang eksploitasi agama untuk musuh politik dan eksploitasi kaum untuk kepentingan politik," tegas Datuk Musa Hitam.

Berucap merasmikan pelancaran Pergerakan Wanita Parti Gerakan Rakyat Malaysia di sini, Timbalan Perdana Menteri berkata:

"Tidak ada parti politik di Malaysia dapat menawan dan mempraktikkan konsep perpaduan ini selain Barisan Nasional. DAP dan PAS akan terus selamanya menjadi pembangkang kalaupun tidak hapus, kerana keduanya adalah parti perpecahan.

"DAP dan PAS mengeksploitasi agama dan sentimen perkauman untuk kepentingan politik mereka. Parti-parti ini tidak dapat hidup. Hanya mereka yang menggunakan sentimen agama saja yang menyokongnya."

Beliau seterusnya berkata, kemenangan cemerlang BN dalam pilihanraya umum lalu membuktikan penerimaan rakyat terhadap politik 'perpaduan' dan sekiranya setiap ahli memperjuangkan konsep ini, Barisan Nasional akan terus menempa kejayaan.

Berasaskan 'perpaduan' itulah, BN berjaya menyusun program untuk menghapuskan prasangka kaum supaya segala pembangunan dapat dinikmati oleh setiap rakyat.

"Kita menentang politik perpecahan yang menimbulkan ketakutan orang, yang memperalatkan agama dan semangat perkauman untuk membangkitkan kebencian satu pucuk terhadap pucuk yang lain sebagai helah politik perpecahan.

Datuk Musa mengingatkan pemimpin-pemimpin politik, faktor utama terecitanya peristiwa 13 Mei 1969 kerana tidak wujudnya perpaduan.

"Sebelum 1969 dulu, wujud prasangka kaum, perasaan marah-marah dan takut-takut antara orang Melayu, Cina dan India kerana masyarakat dipisah-pisahkan.

"Orang Cina pada masa itu menganggap orang Melayu malas, tak tahu berniaga. Sebaliknya orang Melayu menganggap orang Cina pandai berniaga sebab itulah mereka memanggil orang Cina 'tauke'."

Tambah Datuk Musa, peristiwa 13 Mei menyedarkan pucuk pimpinan dan langkah positif menghapuskan prasangka kaum dibuat.

"Sebab itulah sekarang ini tidak lagi wujud perasaan seperti itu, asalkan orang Melayu diberi peluang membuktikan kelebihan mereka. Orang Cina juga menerima hakikat ini sebagai satu program kita untuk menghapuskan perasaan perkauman.